



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

# Roh membesarkan Ilahi pada Aidilfitri

Selepas sebulan berpuasa, Aidilfitri disambut meriah. Disambut dengan laungan takbir, memuji Allah, Tuhan sekalian alam.

Takbir tanda kemenangan dan kegembiraan. Menang dalam mendidik dan melawan hawa nafsu selama sebulan di madrasah Ramadan.

Namun, dalam kita bergembira, janganlah kita lupa Aidilfitri bukan semata-mata amalan tradisi atau budaya kaum

tertentu, tetapi ia adalah syariat yang diturunkan oleh Allah SWT dan ada hukum tersendiri.

Imam al-Bukhari meriwayatkan satu hadis mafhumnya: "Rasulullah SAW memerintahkan kami (kaum wanita) keluar pada Aidilfitri dan Aidiladha termasuk gadis, wanita haid, anak dara sunti. Adapun mereka yang haid tidak menunaikan solat, tetapi menyertai kebaikan dan seruan kaum Muslimin."

Hadis ini menunjukkan Hari Raya adalah hari untuk memmanifestasikan rasa syukur dan gembira seseorang Muslim selepas berjaya dalam perjuangan dalam bulan Ramadan.

Solat hari raya pula adalah satu sunah - menonjolkan perpaduan, kekuatan, kejayaan dan kebahagiaan kaum Muslimin.

Aidilfitri datang dengan tatacara tersendiri. Ia haruslah disambut dengan roh untuk membesarkan

Allah SWT.

Dukacita sekiranya roh ini dilupakan dan kita menjadikannya sebagai pesta tahunan atau keraian untuk bergembira dengan baju raya dan hidangan semata-mata.

Secara umumnya, Aidilfitri adalah perayaan terbesar di Malaysia. Ia disambut dalam suasana muhibah dan sungguh meriah.

Malah, jika dipandang pada zahirnya, ia sangat sinonim dengan orang

Melayu kerana mereka adalah bangsa majoriti.

Baju rayanya adalah baju Melayu, bersamping dan bersongkok. Makanan dihidangkan juga adalah makanan tradisional Melayu seperti dodol, ketupat dan rendang.

Lantas, sesetengah orang bukan Islam melihat hari raya sebagai suatu perayaan yang lebih merujuk kepada bangsa, sampai ada menganggapnya seperti mereka menyambut tahun baru secara besar-besaran dan memanggilnya sebagai 'tahun baru Melayu'.

Padahal bangsa atau kaum lain yang beragama Islam turut merayakannya sama ada buat kali

pertama atau sekian kalinya selepas menerima Islam sebagai panduan hidup.

Syawal adalah bulan ke-10 dalam takwim Hijrah. Datangnya 1 Syawal adalah juga tanda tamatnya Ramadan.

Diharapkan kita dapat memanfaatkan tarbiah dan latihan sepanjang Ramadan lalu dalam menghadapi perjuangan dalam 11 bulan seterusnya. Didoakan juga agar kita semua berjaya mentransformasikan diri dan istiqamah sebelum Ramadan tahun depan.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**